

Anwar, Chinh bincang kerjasama dua hala menerusi telefon

Hanoi: Perdana Menteri Vietnam, Pham Minh Chinh mengadakan perbincangan melalui telefon dengan rakan sejawatnya dari Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kelmarin untuk membincangkan kerjasama dua hala serta beberapa perkembangan serantau dan antarabangsa.

Dalam perbualan itu, Anwar memaklumkan mengenai inisiatif Malaysia selaku Pengerusi ASEAN tahun ini dalam menangani isu serantau yang turut dibincangkan dalam perbualan mereka pada 6 April lalu.

Beliau berkata, Malaysia mengadakan dialog dengan pihak berkepentingan di Myanmar ba-

gi memperluaskan perjanjian gencatan senjata demi memfokuskan kepada bantuan kemanusiaan susulan bencana baru-baru ini, lapor *VNA*.

Menurut laporan itu, beliau turut menggariskan pendekatan ASEAN untuk memperkukuh hubungan perdagangan dan pelaburan dengan rakan kongsi

sambil mengekalkan peranan pusat blok itu.

Sementara itu, Chinh menghargai usaha peribadi Anwar dan kepimpinan Malaysia dalam menangani cabaran serantau, sambil menekankan bahawa ASEAN perlu memainkan peranan utama dalam menyelesaikan krisis Myanmar serta terus

menunjukkan solidariti dan sokongan terkoordinasi untuk pemulihan dan pembinaan semula pasca gempa bumi melalui mekanisme sedia ada seperti Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (AHA Centre) dan Setiausaha Agung ASEAN. BERNAMA-VNA